



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

2 MAC 2025 (ISNIN)

Ambil tindakan tegas penternak lepaskan lembu sesuka hati

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	11	2 Mac

Ambil tindakan tegas penternak lepaskan lembu sesuka hati

SAUDARA PENGARANG,

MASALAH lembu ternakan berkeliaran termasuk di jalan raya tidak pernah selesai biarpun Kuala Terengganu sudah bertaraf bandar raya sejak 17 tahun lalu.

Kumpulan haiwan ternakan itu yang dilepaskan sesuka hati oleh tuannya bukan sahaja makan rumput di tepi jalan, malah dilihat kerap memungkah tong sampah disediakan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk

makan sampah-sarap. Tidak kurang juga yang terlepas memasuki pekarangan premis awam seperti Perpustakaan Awam Negeri Terengganu yang terletak hampir dengan pusat bandar. Tambah berbahaya, sebahagian lembu-lembu ternakan tersebut berkeliaran di tengah jalan raya sehingga menyebabkan kemalangan dan membahayakan nyawa pengguna.

PBT dan agensi terlibat perlu

bertegas dan tidak perlambutan lagi dengan penternak lembu tidak bertanggungjawab berkenaan.

Sikap buruk segelintir penternak lembu yang masih mengamalkan konsep lepas bebas seperti tahun 1960-an pada zaman moden 2025 ini perlu dihentikan demi kepentingan awam. Tindakan segera boleh menyelamatkan nyawa.

HAWA
Kuala Terengganu



SEBAHAGIAN lembu yang berkeliaran di Perpustakaan Awam Negeri Terengganu baru-baru ini.

Perkasa penternakan ruminan negara

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Rencana	12	3 Mac



AHMAD ISMAIL

SEtiap kali musim perayaan di Malaysia, kerajaan mengulangi kenyataan untuk meyakinkan rakyat tentang bekalan telur, ayam dan daging yang cukup. Jaminan yang diberikan kerajaan membuatkan tekanan semasa masyarakat menurun dan kurang perasaan panik terhadap keperluan yang mendesak.

Persoalannya, kenapa mesti dibuat kenyataan sama berulang kali apabila menjelang musim perayaan. Mungkin ada kerisauan rakyat dan rasa tidak yakin dengan kestabilan bekalan ayam, telur dan daging yang mencukupi terutamanya apabila melibatkan terputus bekalan dan harga yang meningkat.

Kerisauan rakyat mungkin berkurangan dan keyakinan mungkin tinggi terhadap bekalan ayam, telur dan daging sekiranya mereka tidak mengalami kekurangan bekalan, bekalan mudah didapati sepanjang masa dan harga yang tidak membebankan di musim perayaan.

Kenyataan kerajaan dalam memberikan keyakinan rakyat setiap kali menjelang musim perayaan selalunya melalui jaminan jabatan kerajaan terlibat seperti FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan), yang memastikan bekalan mencukupi di seluruh negara dan bertindak segera bagi memenuhi keperluan semasa termasuk mengimport bekalan yang diperlukan.

Pengurusan agihan ayam, telur dan daging dalam negara mesti diuruskan dengan baik oleh agensi tertentu. Misalnya, ada negeri yang berlebihan dapat menampung negeri lain yang tidak mencukupi. Pada 2022 misalnya, negeri Perak menghasilkan produk telur dan ayam itik berlebihan dengan 372,825 tan metrik daging, ayam dan itik, dan 2,081 bilion biji telur ayam.

Mungkin sudah sampai masanya kerajaan mempunyai pendekatan baru dengan memastikan bekalan sentiasa mencukupi untuk seluruh negara bagi kegunaan tempatan dan apabila berlebihan negara dapat mengeksport ke negara lain yang memerlukan atau memenuhi industri hiliran berkaitan.

Idea penubuhan Lembaga Ruminan telah diketengahkan pada 2014 lagi bagi menjaga



KEMENTERIAN Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang memperhalusi cadangan penubuhan Lembaga Ruminan Negara (LRN).

Perkasa penternakan ruminan negara

pembangunan industri penternakan negara. Idea ini dikembangkan lagi pada 2018 dan masih di peringkat perbincangan pada 2025. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang memperhalusi cadangan penubuhan Lembaga Ruminan Negara (LRN) dengan meneliti model bersesuaian bagi memastikan entiti itu berdaya tahan dan mampu mengatasi isu dihadapi industri ruminan.

Lembaga itu juga dilihat boleh memberikan penekanan kepada pembangunan industri ternusu dan pedaging negara secara menyeluruh merangkumi aspek perancangan, penyelarasan, khidmat nasihat dan keperluan pemasaran. Pasukan interim berkaitan sudah diwujudkan bagi merangka hala tuju serta kaedah pengoperasian, menyelaraskan dan memperkemaskan jaringan industri melalui libat urus, perundingan dan advokasi.

Penubuhan lembaga itu dikatakan boleh melonjakkan lagi industri penternakan, di samping Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang memberikan tumpuan kepada peraturan penternakan, jaminan kualiti,

kawalan penyakit ternakan dan angkitan kepada manusia serta penguatkuasaan undang-undang berkaitan yang ditetapkan. Tindakan ini menunjukkan suatu langkah yang baik bagi menjamin industri ruminan negara dan perlu disegerakan.

Jabatan berkaitan penternakan juga perlu terus diperkasakan dalam mentadbir dan menguruskan keterjaminan bekalan ayam, telur dan daging negara dengan lebih cekap selari dengan jabatan lain seperti jabatan pertanian dan perikanan. Satu organisasi pentadbiran yang berdaya maju penting dalam memastikan kelestarian keterjaminan bekalan ayam, telur dan daging.

Cerita tentang kartel yang mendalangi penyeludupan daging import dari negara sumber tidak sah, termasuk diragui status halal dan kualitinya pada 2020 dalam media perdana tempatan mungkin masih segar dalam ingatan dan tindak balas yang belum selesai. Urusan mengimport daging dari luar negara melibatkan banyak pihak seperti JPV (Jabatan Perkhidmatan Veterinar), Jakim (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), Maqis

(Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia), Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Polis Pelabuhan.

Berikutan daripada isu kartel import daging yang diragukan, cadangan Lembaga Ruminan Negara dikatakan dapat membantu bekalan daging tempatan. Pada 2021, Malaysia diakui tidak berupaya untuk mencapai Kadar Sara Diri (SSL, *Self-Sufficiency Level*) bagi bekalan daging tempatan, dan terpaksa terus bergantung kepada import. Kerajaan meletakkan sasaran SSL, 50 peratus bagi daging manakala 100 peratus bagi susu segar menjelang 2030.

Keraguan status halal daging import mempengaruhi aktiviti korban, selain daripada harga yang tinggi. Permintaan haiwan lembu, kerbau dan kambing untuk ibadat korban terus meningkat. Menurut Jabatan Perkhidmatan Veterinar, pada 2023 dianggarkan bilangan lembu dan kerbau tempatan sebanyak 39,857 ekor manakala kambing dan biri-biri sebanyak 29,988 ekor melebihi permintaan pada 2015 sebanyak 15,000 ekor ternakan ruminan besar dan kira-kira 10,000 ekor ternakan

ruminan kecil disembelih di seluruh negara untuk tujuan ibadat korban.

Kerajaan menyasarkan sebanyak 100,000 tan metrik pengeluaran daging tempatan menjelang 2030. Negara memerlukan 200,000 tan metrik daging lembu setahun bagi keperluan rakyat dan masih perlu mengimport 80 peratus daging bagi memenuhi permintaan rakyat.

Disamping daging, isu telur juga menjadi perhatian rakyat. Bekalan telur ayam didapati berkurangan dan tidak semua gred telur ayam mudah diperolehi. Persekutuan persatuan-persatuan penternak Malaysia (FKFAM) boleh membantu kawalan bekalan ayam dan telur, jika berada dalam struktur organisasi yang sesuai.

Kajian segera diperlukan dalam kalangan pakar berkaitan sains penternakan, ekonomi dan sosial serta alam sekitar untuk bersama melihat isu bekalan ayam, telur dan daging negara. Keterjaminan makanan sangat penting dalam era pasca normal yang penuh ketidakpastian ini. Pemerkasaan institusi penternakan negara mesti diberikan perhatian segera. Aktiviti penternakan melibatkan daripada baka, tempat yang sesuai, makanan, kesihatan, kualiti daging, bekalan dan pemasaran mesti difikirkan secara menyeluruh termasuk penggunaan teknologi tinggi.

AHMAD Ismail ialah Presiden Kongres Persatuan Akademik Malaysia (MAAC).

Sembelihan 12 ekor lembu, kerbau sehari penuh permintaan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	9	3 Mac

Sembelih 12 ekor lembu, kerbau sehari penuh permintaan



JERANTUT – Peniaga di Pasar Jerantut, di sini, menyembelih kira-kira 12 ekor lembu dan kerbau sehari bagi memenuhi permintaan penduduk termasuk dari luar daerah menjelang Ramadan.

Tinjauan Kosmo! mendapati, orang ramai memenuhi pasar berkenaan bagi membeli daging lembu yang dijual dengan harga RM34 sekilogram, manakala tulang dijual RM28 sekilogram.

Seorang penjual, Shamsul Bahari Mohd. Zakri, 33, menyifatkan Ramadan sebagai bulan rezeki kerana permintaan daging segar meningkat walaupun terdapat saingan dengan ayam.

"Setiap tahun, jualan meningkat. Pada Ramadan, permintaan untuk daging lebih tinggi kerana ramai mahu menyedekahkan daging berbuka bersama keluarga. Hari ini (semalam) sahaja dua ekor kerbau dan seekor lembu habis menjelang tengah hari," katanya ketika ditemui semalam.

Ujarnya, dia dan peniaga lain akan memastikan bekalan daging segar mencukupi untuk menampung permintaan selain menjual khaliti daging.

Kata Fazrin Zahba, 42, yang telah berniaga daging di pasar itu lebih dua dekad, Ramadan amat dinantikan kerana jualan daging akan meningkat mendadak.

"Saya sudah biasa dengan suasana yang sibuk di pasar ini setiap kali menjelang Ramadan. Permintaan tinggi membuat pembeli untuk kami memperoleh pendapatan tambahan," katanya.

Ujarnya, jualan boleh mencapai antara 60 hingga 70 ekor lembu dan kerbau sepanjang Ramadan.

Bagi Nik Sop Hassan, 50, yang telah berniaga sejak lebih 20 tahun lalu, purata jualan daging segar bagi seorang penjual adalah 60 ekor haiwan sepanjang Ramadan.

"Dulu, orang hanya beli beberapa kilogram daging tetapi kini ramai yang beli banyak untuk berbuka dan sabut," katanya.

Sementara itu, seorang pembeli, Fatimah Ahmad, 53, berkata, menjadi 'tradisi' keluarganya setiap tahun untuk membeli daging bagi juadah bersahur dan berbuka pada awal Ramadan.

ORANG ramai beratur untuk membeli daging lembu dan kerbau segar di Pasar Jerantut semalam. - SALEHUDIN MAT RASAD

Sembelihan 12 ekor lembu, kerbau sehari penuh permintaan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Star	Nation	9	3 Mac

Eggs aplenty, but they can be costly for many

By ZAKIAH KOYA
zakiah@thestar.com.my

SUBANG: The demand for eggs is always high during Ramadan and Hari Raya, as it is a key ingredient for biscuits, cakes and kuih.

Often, there is a shortage of eggs during this season, but the government subsidy programme has ensured normal supply of eggs.

"The supply of eggs is better than last year, although we expect there will be a shortage due to high demand," said Datuk Ameer Ali Mydin, managing director of wholesale and retail chain outlet Mydin.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali said he does not expect any profiteering from those selling eggs as it is a controlled item.

"Eggs of Grade AA, A, B and C are controlled food items with fixed prices," said Armizan.

Chia Seong Pow, chief operating officer of QL Resources Bhd, one of Malaysia's leading chicken egg producers, said the supply of eggs was normal thanks to the government's subsidy programme.

In 2024, the government announced the subsidy of 10sen per egg while in 2023, it allocated RM927mil for egg subsidies alone.

"Currently, the supply is normal. The farms have ensured that there will be enough supply for Ramadan and Hari Raya.

"There could be a shortage for certain grades if there is a sudden surge in demand.

"The supply of Grade AA and Grade A eggs is lower compared to Grade B and C.

"The most popular eggs for making cakes and biscuits are Grade B and C – these we have ample supply," he said.

Consumers, however, say that prices are still high.

Factory operator Nurul Nazirah Zulfakar, 31, said the increased prices of food items make her wary when going for grocery shopping.

"I earn RM1,700 monthly and I can see that eggs are expensive in the cities. I come from Batang Kali, where the eggs can be cheaper as they are not farm eggs.

"The cheapest egg tray here in Subang is RM15 and I share two trays with my hostel mates each month.

"I avoid buying kampung eggs as they are very expensive," said Nurul Nazirah.

Jannah Amin said the price of eggs in Sabah has risen higher compared to the peninsula.

"In Kuala Lumpur, the price of Grade AA eggs is only RM16.80 per tray, for A it is RM12.60, Grade B (RM12) and Grade C is RM11.40. So far, there seems to be ample supply everywhere.

"In Sabah, even Grade B eggs cost RM13.80 per tray and Grade AA can go up to RM19.60. Also, there seems to be low supply.

"I hope the authorities will check and make eggs affordable in Sabah," said Jannah.

The government is considering removing egg subsidies once supply stabilises.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR